

SEJARAH GERHANA DALAM ISLAM

Pada zaman Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* pernah terjadi peristiwa gerhana matahari pada hari wafatnya putera baginda yang bernama Ibrahim.

Mengikut kepercayaan masyarakat ketika itu, kejadian gerhana matahari adalah tanda berdukacita alam terhadap kewafatan tersebut.

Ketika Nabi *Sallallahu alaihi wasallam* mendengar apa yang mereka katakan, baginda menjelaskan bahawa matahari dan bulan merupakan tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Allah. Sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam*:

Daripada Ziad bin 'Alaqah r.a telah berkata: aku mendengar Mughirah bin Syu'bah berkata ketika berlaku gerhana matahari di zaman Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* semasa kematian anaknya Ibrahim, lalu Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* bersabda: "bahwasanya matahari dan bulan itu menjadi tanda kedua-duanya daripada tanda-tanda kekuasaan Allah *Subhanahu wata'ala*, tidak berlaku gerhana matahari dan bulan disebabkan kematian seseorang dan tidak juga disebabkan kelahiran seseorang, maka apabila kamu melihat kedua-dua gerhana tersebut hendaklah kamu berdoa kepada Allah *Subhanahu wata'ala* dan melaksanakan solat gerhana sehingga selesai gerhana tersebut.

Riwayat Muslim



GERHANA MATAHARI CINCIN (ANNULAR ECLIPSE)

Terjadi ketika matahari dan bulan segaris dan sesatah, tetapi ketika itu saiz bulan kelihatan lebih kecil daripada matahari. Oleh itu, matahari muncul seperti cincin gergasi yang sangat terang, yang ditengah-tengahnya ialah bulan.



GERHANA SEPARA

Terjadi ketika matahari dan bulan tidak benar-benar selari tetapi hanya sebahagian bulan menutupi matahari. Fenomena ini biasanya dapat dilihat dari sebahagian besar bumi di luar jalur dari gerhana annular atau jumlah keseluruhan.



GERHANA MATAHARI PENUH (TOTAL ECLIPSE)

Terjadi ketika matahari ditutupi sepenuhnya oleh bulan. Ini berlaku apabila bulatan bersinar cerah matahari digantikan oleh bulatan gelap bulan.



GERHANA HIBRID

(Juga disebut ANNULAR/ GERHANA penuh)

Fenomena antara gerhana penuh dan gerhana cincin. Di beberapa titik laluan gerhana di permukaan bumi ia dilihat sebagai gerhana penuh, sedangkan di sebahagian lokasi ia dilihat sebagai gerhana cincin. Namun gerhana hibrid jarang berlaku.